

31 MAR 2001

Mahathir-Pertemuan

UMNO AKAN NYATAKAN KELAK SAMA ADA TERUSKAN PERTEMUAN DENGAN PAS

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno akan menyatakan pendiriannya kelak sama ada untuk meneruskan dengan pertemuan perpaduan Melayu bersama PAS.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, keputusan itu akan dibuat di mesyuarat jawatankuasa teknikal antara kedua-dua parti itu nanti.

Bagaimanapun beliau tidak menyatakan bila jawatankuasa teknikal kedua-dua parti itu akan bertemu.

"Kita akan bertemu dan menyatakan pendirian kita semasa jawatankuasa teknikal berjumpa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini, petang ini.

Mesyuarat jawatankuasa teknikal itu yang dijadual bertemu untuk kali ketiga pada 27 Mac lepas telah menangguhkan pertemuan itu ke satu tarikh yang akan ditentukan kelak atas permintaan PAS.

Setiausaha Agung PAS Nasharuddin Mat Isa telah dilaporkan berkata, mesyuarat itu terpaksa ditangguhkan kerana beberapa orang anggota jawatankuasa itu di pihak PAS tidak dapat menghadirinya.

Sebelum ini PAS telah menepatkan pra-syarat yang harus dipenuhi oleh Umno untuk wujudkan suasana kondusif bagi pertemuan berkenaan, iaitu royalti minyak Terengganu dikembalikan, lidah rasmi PAS, akhbar Harakah dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu dan cadangan Umno supaya perkataan "Islam" tidak digunakan oleh pertubuhan termasuk parti politik ditarik balik.

Sementara itu pada sidang media itu Dr Mahathir turut menunjukkan beberapa pita kaset ceramah PAS yang menunjukkan parti itu aktif dalam kempenya memburukkan Umno.

"Sementara kita (Umno) kurangkan kempen untuk mewujudkan suasana yang kondusif untuk mengadakan mesyuarat antara Umno dengan PAS mengenai perpaduan Melayu ini, mereka terus berkempen . . . cukup laris," katanya sambil menunjukkan pita-pita kaset itu kepada para wartawan.

-- BERNAMA

SHS AFY DC PR